

# Nostalgia panggilan Pulau Citra Seniman Foto Labuan



**CATATAN KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN MOHD ARUS**

**L**ABUAN sebuah pulau yang sederhana besar yang tidak jauh dari negeri Sabah dan Brunei. Sebelum menjadi Wilayah Persekutuan, Labuan adalah sebahagian dari wilayah negeri Sabah, berdasarkan dari sejarah Labuan juga di bawah pemerintahan kesultanan Brunei sebelum kedatangan penjajah Inggeris.

Sejak dahulu lagi ia adalah sebuah pulau yang sangat indah, mempunyai tarikan perikanan Laut China Selatan.

Sebagai pulau mutiara Laut China Selatan dikunjungi oleh ramai pelancong meminati sukan laut dalam, sama ada memancing ikan marlin mahupun berkapal layar serta bersantai di pulau berdekatan ataupun hanya menghayati keindahan semula jadinya.

Oleh sebab kedatangan pelancong luar negara yang sekian lama menjadi tumpuan di pulau tersebut, kedatangan mereka telah memberi kesan yang positif kepada anak tempatan umpamanya tertarik dengan aktiviti fotografi memandangkan ramainya pelancong mundur-mandir di pulau tersebut membimbing kamera setiap pelosok pulau tersebut sejak dari dahulu lagi, maka aktiviti tersebut mempengaruhi anak tempatan untuk bermain dengan kamera lebih-lebih lagi memandangkan bahan seni lukis seperti cat minyak, akrilik serta kanvas agak susah untuk didapati, sedangkan naluri berkarya sangat tinggi maka jalan yang paling mudah merakam imej yang menarik di depan mata adalah melalui sebuah kamera sepertimana yang di laporkan oleh Cikgu Azizie Yusop seorang guru seni visual dan juga pendukung utama persatuan Seni Lukis Labuan dan Persatuan Seni Fotografi Labuan.

Menurut beliau yang pada mulanya ia juga sangat aktif berkecimpung dalam lukisan serta arca sejak menuntut di Universiti Sains Malaysia namun apabila balik ke kampung halaman dan bertugas sebagai guru pendidikan seni visual, beliau merasakan tertarik kepada kespontanan karya seni dengan lensa kamera berbanding dengan seni arca dan lukisan yang memakan masa lama untuk menghasilkan sebuah karya.

Melalui seni fotografi beliau lebih cenderung untuk meneroka terutamanya negara luar, umpamanya beliau telah melawat Australia, New Zealand, Filipina, Indonesia dan beberapa buah negara Asean bertujuan bertukar pandangan dengan artist tempatan.

Ini adalah kaedah melalui pengalaman serta membina penjarangan yang baik. Oleh sebab itu beliau bersama teman serta saudara beliau seperti, Daimsara Abdullah dan Ramlen Salleh menubuhkan Persatuan Seni Visual Labuan dan Persatuan Fotografi Labuan.

Persatuan seni seperti di mana mana, agak lembap bergerak terutama di pulau tersebut namun dengan usaha yang tidak mengerti

penat lelah akhirnya ramai anak muda menyertai persatuan tersebut bagi menerokai media yang sangat popular dewasa ini, dan banyak aktiviti berjaya di jalankan dengan sokongan pihak berwajib dan juga agensi badan kerajaan umpamanya Lembaga Kemajuan Labuan mengadakan *photo walk* dan eksplorasi fotografi Labuan serta mengadakan beberapa pameran antara lain seperti pameran Labuan Art Festival, *Borneo Art Festival*. Citrawarna 'The Color of 1 Malaysia Truly Asia' di rasmikan oleh yang berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 2015.

Ini adalah antara kejayaan persatuan yang di mulakan oleh ketiga tokoh seniman dan juga disokong oleh ahli persatuan mereka. Terdapat beberapa pameran yang juga berkaitan dengan fotografi telah berjaya dianjurkan dan juga mengharumkan usaha mereka mendekati generasi muda dengan seni foto usaha yang pada mulanya dianggap remeh serta bersantai oleh sesetengah masyarakat tempatan menjadi keutamaan kepada seniman visual Labuan apabila berjaya mengangkat keindahan Labuan sebagai kepentingan *tourism* di rantau kepulauan Borneo dan antarabangsa.

Cikgu Azizi sebagai peneraju utama sangat prihatin kepada masalah sosial yang berlaku dikalangan masyarakat tempatan terutamanya generasi muda oleh sebab itu beliau sentiasa peka terhadap kejadian yang berlaku di sekitar kepulauan Labuan.

Justeru itu di mana sahaja beliau bergerak tidak lupa pada kameranya kerana pada beliau konsep 'Decisive Moment' yang diutarakan oleh Henri Cartier-Bresson seorang ahli foto asal Perancis sangat di manfaatkan, kerana saat kritikal foto berlaku dengan sekelip mata untuk menangkap imej yang akan menjadi sejarah. Oleh sebab itu kebanyakan visual foto beliau menekankan


kepada aktiviti spontan pelaku yang tidak dijangka namun mendatangkan rakaman dokumen yang berpanjangan, umpamanya karya bertajuk 'Berhempas Pulas' menunjukkan konsentrasi serta tekad seorang pelaut yang melawan elemen cuaca, ini di gambarkan oleh beliau melalui penerapan unsur seni lukis dalam karya, umpamanya komposisi, nilai tona dan juga tanpa warna yang sangat dinamik terutama sekali penerapan titik garisan, yang memandu pandangan khalayak ke arah bahagian belakang perahu secara bertenaga kerana berjaya mengujudkan hukum sepertiga imej atau 'The Rule Of Third' yang sangat susah ditemui dalam menghasilkan imej fotografi.

Karya seni foto yang membawa imej yang berbagai-bagai adalah di anggap oleh tokoh teori semiologi Roland Barth sebagai teks atau dokumen yang perlu di baca imej, simbol serta tanda tersirat atau pun yang tersurat, penilaian ini yang meletakkan seni foto dalam status berlainan dari seni visual yang lain.

Seorang lagi sahabat Cikgu Azizie Yusop yang sama bergandeng bahu mendukungi Persatuan Fotografi Labuan adalah saudara Daimsara Abdullah lahir di Semporna namun sudah lama bermastautin di Labuan.

Bermula sebagai pelukis dari Filipina di bawah bimbingan pelukis Loue Quino pada tahun awal 80-an dari Cebu dan hasil dari didikan tersebut beliau merantau menjadi pelukis portrait sepenuh masa di *Semenanjung Malaysia dan Filipina*. Namun kerana minat kepada fotografi terlalu memuncak oleh sebab meramalkan media tersebut adalah berteknologi tinggi dan akan menjadi media popular antarabangsa pada satu masa nanti.

Bersama Cikgu Azizi, Yusop meneroka serta membimbing ramai fotografi muda tempatan untuk



**CIKGU Azizie Yusop sedang konsentrasikan.**

mempopularkan keindahan natural pulau Labuan.

Kebanyakan karya beliau mengutarakan keheningan landskap pulau mutiara tersebut yang menjadi tempat kehidupan baru beliau. Sebagai seorang yang minat kepada keindahan minat beliau adalah merakamkan keindahan alam.

Usaha yang gigih oleh beliau akhirnya pernah menggondol hadiah utama pertandingan *International Oil Palm Photography Competition* sebagai pemenang utama di mana beliau mengalahkan lima puluh dua peserta antara bangsa, ketika itulah yang menjadi kenangan manis sebagai seniman fotografi dan menjadi motivasi utama meningkatkan kemahiran serta konsep media beliau yang baru.

Salah satu karya beliau yang menjadi pilihan penulis bertajuk Bohey Dulang menunjukkan sebuah karya pemandangan sudut mata burung atau imej udara sebuah teluk yang berbatu karang, Karya yang menekankan kepada gubahan garisan melengkung berulang, mengarahkan mata khalayak bermula dari rupa sebuah pulau kecil terletak di garisan ufuk (Horizon) hingga ke satah kiri karya tersebut terdapat beberapa buah perahu kecil warna warni. Warna dominan biru dan hijau merujuk kepada langit dan terumbu karang yang mewujudkan keseragaman serta keheningan lokasi tersebut.

Dalam menghasilkan karya yang bermutu beliau sangat tertarik dengan pandangan Ansel Adam berbunyi 'Jika saya tergerak untuk merakamkan keindahan Amerika melalui fotografi, saya akan menunjukkan bumi dan langit sebagai pentas kepada lakuan (Performances) manusia. Hasilnya juga akan menunjukkan bagaimana hubungan rapat manusia dengan alam sebagai satu prasarana yang menunjukkan kekaguman' (Hadden:183).

Seorang lagi tokoh yang menjadi penggerak seni fotografi di Labuan adalah juru foto atau visual artis Ramlen Salleh anak kelahiran jati Pulau Labuan bertugas sebagai Penolong Pegawai Penerangan (Kanan) di Jabatan Penerangan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan. Berkhidmat dengan Jabatan penerangan lebih



**BERHEMPAS Pulas, Azizie Yusop, 2017.**

sebagai wartawan, beliau lebih cenderung kepada menyampaikan mesej yang mendidik khalayak umpamanya gambar hitam putih seorang anak sedang mengira duit di atas meja kedai menunjukkan kurang prihatin masyarakat terhadap keselamatan anak yang terdedah kepada kepincangan akibat penyakit yang berleluasa sosial dan juga masalah buruh kanak-kanak di dunia ketiga.

Dari kaca mata seorang fotografi yang berwibawa dengan memenangi beberapa pertandingan antarabangsa dia tidak jemu-jemu mencari pendekatan serta teknik yang inovatif bagi memurnikan lagi karya beliau. Atas usaha yang tidak mengenal lelah dan terbuka kepada teguran sehingga kini telah melahirkan *photobook*, atau buku dokumentasi foto sebanyak lima buah antara lain tajuknya adalah 'The Glimpse' - karya foto jalanan di Jalan Merdeka Labuan (2013), 'My Street View Seoul - Busan - gambar foto jalanan di Kota raya Seoul dan Busan (2014), City Scape - gambar pemandangan metropolitan di tiga buah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. (2015) dan Labuan - Lifestyle - imej saat penentu di sekitar Bandar Labuan dalam proses sedang di siapkan beliau.

Genre fotografi yang menarik minat beliau adalah fotografi kewartawanan ini berkemungkinan pengaruh dari tugas rasmi beliau

Kesimpulannya ketiga

tokoh seniman segar fotografi Labuan yang berusaha meletakkan seni foto tempatan sebagai satu usaha yang bersungguh.

Walaupun di saat fotografi menjadi fenomena tular kerana setiap orang memiliki telephone beranggapan semua orang boleh mencipta gambar perlu dinyahkan dari fikiran masyarakat akibatnya sikap khalayak yang tidak apathy atau tidak ambil peduli terhadap produk foto yang serius dapat disedarkan melalui karya yang sensasi menggetarkan perasaan sanubari masyarakat majmuk seperti adi karya Amri Ginang, Ismail Hashim, Eric Peris dan Yusof Osman sebagai penyebab beberapa nama yang menjadi tokoh foto negara.

Usaha yang di jalankan oleh mereka sebagai seniman visual pulau Labuan patut menjadi contoh kerana usaha mereka berjaya menghidupkan nostalgia "Panggilan Pulau" mengangkat kehidupan penduduk, serta keindahan pulau Wilayah Persekutuan Labuan kepada peringkat antarabangsa melalui karya foto dari sudut pandangan mata, interpretasi serta imaginasi mereka.

**\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\***

“Melalui seni fotografi beliau lebih cenderung untuk meneroka terutamanya negara luar, umpamanya beliau telah melawat Australia, New Zealand, Filipina, Indonesia dan beberapa buah negara Asean bertujuan bertukar pandangan dengan artist tempatan.



(Gambar atas) **BOHAY Dulang, Foto karya Daimsara Abdullah, 2016.**

(Gambar bawah) **MAULUD, Ramlen Salleh, 2013.**

